



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN / MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

**NOTIS KERJA UNDI DIBAWAH PERUNTUKAN PEMERKASA
DAERAH SEREMBAN TAHUN 2021**

1. Kerja undi dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1 kategori CE di **Daerah Seremban**.
2. Kontraktor hendaklah mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** daripada CIDB dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada BPKU.
3. Pendaftaran perlu dibuat melalui aplikasi **Google Form** pada pautan <https://forms.gle/WGmf91uf9fo7QX9K7> sehingga **25 Jun 2021 (Jumaat)** sebelum jam **12.00 tengahari**. Kontraktor yang berminat menyertai kerja undi dikehendaki mengisi borang di atas.
4. Senarai Kerja Undi adalah seperti di **Lampiran B**.
5. Cabutan undian dibuat secara tertutup. Siaran langsung cabutan undi boleh dilayari menerusi laman Facebook rasmi Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (PDTS) dan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) seperti berikut :

Tarikh : 07 Julai 2021
Masa : 10.00 pagi
Tempat : MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

6. Semua kontraktor adalah layak untuk menyertai kerja-kerja undi ini termasuklah yang sedang dalam pelaksanaan kerja semasa dari lainlain peruntukan Negeri.
7. Kontraktor yang berjaya akan dimaklumkan melalui panggilan telefon dan dipaparkan di laman **Facebook PDTS dan MBS**.
8. Syarat-syarat kerja undi adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

KERJA UNDI DI BAWAH PERUNTUKAN PEMERKASA DAERAH SEREMBAN TAHUN 2021 SECARA SIARAN LANGSUNG (LIVE STREAMING)

Kerajaan Negeri Sembilan melalui Pejabat Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan proses undi ini secara Live Streaming sebagai mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh agensi di peringkat daerah. Pendaftaran kontraktor untuk menyertai proses undi ini akan dilaksanakan secara online melalui pautan <https://forms.gle/WGmf91uf9fo7QX9K7>. Kontraktor hanya perlu melengkapkan borang serta memuatnaik dokumen-dokumen yang diperlukan secara online tanpa perlu hadir ke Pejabat untuk mengemukakan dokumen yang berkaitan. Syarat-syarat kelayakan kontraktor untuk menyertai proses undi ini adalah seperti berikut :

1. Terbuka kepada kontraktor Kejuruteraan Awam (CE) Gred G1 yang berdaftar di daerah Seremban sahaja ;
2. Semua kontraktor G1 tersebut **LAYAK** menyertai kerja undi ini walaupun sedang menjalankan apa-apa projek dibawah peruntukan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2021
3. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) ;
4. Mana-mana kontraktor yang menekan butang **“HANTAR”** dalam Borang pendaftaran, adalah **BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH TIDAK BENAR, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH DENGAN INI BERSETUJU SYARIKATNYA TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN DAN TIDAK LAYAK MENDAPAT SEBARANG KERJA DALAM PROSES UNDI INI.**
5. Keputusan proses undi adalah muktamad.

PAUTAN PENDAFTARAN KERJA UNDI :

<https://forms.gle/WGmf91uf9fo7QX9K7>